

Syarikat telekomu

Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 28 Mac — Jumlah syarikat pengendali telekomunikasi di negara ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Beliau berkata, ini kerana jika terdapat terlalu banyak syarikat beroperasi ia hanya akan menyebabkan persaingan yang merugikan.

"Saya rasa jumlah syarikat yang ada adalah mencukupi kerana jika banyak pemain di dalam industri tersebut, sesebuah syarikat mungkin hanya dapat beroperasi di kawasan seluas satu kilometer persegi sahaja," katanya kepada para pemberita, selepas menyaksikan majlis menandatangani Kenyataan Wawasan Untuk Masyarakat Telekomunikasi Asia Tenggara (SEATEL).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri

Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu dan wakil-wakil syarikat yang menganggotai SEATEL.

Di Malaysia, selain daripada Telekom Malaysia Bhd., terdapat sekurang-kurangnya enam syarikat telekomunikasi lain yang telah diberikan lesen untuk mengendalikan perkhidmatan rangkaian telefon bergerak.

Antara syarikat itu ialah Cellular Telecommunication Services Sdn. Bhd., Mobikom Sdn. Bhd, Malaysian Resources Communication Bhd. (MRCB), Electronics Telematique (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Sapura Holdings, Mutiara Telecommunications Sdn. Bhd. dan Binariang Sdn. Bhd.

Kata Perdana Menteri, syarikat-syarikat telekomunikasi di rantau Asia Tenggara perlu menyelaraskan kegiatan mereka bagi mengelakkan pembaziran dan persaingan yang merugikan.

Beliau berkata, langkah tersebut adalah penting kerana menerusi penggunaan satelit dan pelbagai

nikasi mencukupi

teknologi lain, industri telekomunikasi tidak lagi tertakluk kepada batas-batas sempadan sebaliknya memerlukan kerjasama antara satu sama lain.

Kata beliau, industri berkenaan perlu dilihat dalam pendekatan baru yang dapat membantu perkembangannya.

SEATEL adalah satu dokumen yang memperlihatkan pembangunan masa depan industri telekomunikasi di rantau Asia Tenggara.

Kenyataan tersebut yang ditandatangani oleh 25 buah syarikat pengendali perkhidmatan telekomunikasi antara lain memainkan peranan sebagai satu badan untuk bertukar-tukar pengetahuan, kepakaran dan idea.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kenyataan berkenaan menggariskan 10 strategi yang akan diambil.

Antaranya ialah mewujudkan sebuah organisasi telekomunikasi seranta bagi memperluaskan proses pembangunan industri telekomunikasi rantau Asia

Tenggara, meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan telekomunikasi secara berterusan dan menggalakkan penyelidikan serta latihan dan pendidikan dalam industri berkenaan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Penaja SEATEL, Datuk Tajudin Ramli berkata, fungsi organisasi tersebut juga bertujuan untuk merealisasikan matlamat usaha-usaha utama seperti penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Menerusi badan ini (SEATEL), kesemua ahli boleh bertukar-tukar pengetahuan, kepakaran dan idea. Kita juga berharap badan ini akan membolehkan kesemua ahli bekerjasama untuk kepentingan bersama," katanya.

Menurut beliau, cadangan untuk menubuhkan badan seumpama itu ditimbulkan dalam Perbincangan Meja Bulat Mengenai Telekomunikasi pada 23 November tahun lalu.